



کتوا حاکیم شرعی

KETUA HAKIM SYARIE

Aras 5, Mahkamah Syariah Perak,
Jalan Tan Sri Hj Harussani,
30100 Ipoh,
Perak Darul Ridzuan.

Tel: 05-5018402
Faks: 05-5018540
Emel: khsperak@esyariah.gov.my

Ruj. Kami: JKSPk 600-1/2/4 Jld. 2 ()
Tarikh: 7 Syaaban 1444H
28 Februari 2023M

Y.A. Hakim-Hakim Mahkamah Utama Syariah
Perak Darul Ridzuan

Y.A.A Pengerusi Mahkamah Rayuan Syariah
Perak Darul Ridzuan

Y.A. Hakim-Hakim Mahkamah Rayuan Syariah
Perak Darul Ridzuan

Y.A. Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi Syariah
Perak Darul Ridzuan

Y. Bhg. Tuan Ketua Pendaftar Mahkamah Utama Syariah
Perak Darul Ridzuan

Tuan/Puan Hakim-Hakim Mahkamah Rendah Syariah
Perak Darul Ridzuan

Pendaftar-Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah
Perak Darul Ridzuan


Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah
Perak Darul Ridzuan

Arahan Amalan
Ketua Hakim Syarie Negeri Perak
No. 10 Tahun 2023

Wasiat Wajibah

Saya ingin menarik perhatian Y.A.A / Y.A / Tuan / Puan kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Jabatan Kehakiman Syariah Perak pada 12 Januari 2023 dan Februari 2023 serta berdasarkan peruntukan seksyen 45 Enakmen Mahkamah Syariah (Perak) 2018, saya mengeluarkan Arahan Amalan berhubung dengan pemakaian fatwa berkaitan Wasiat Wajibah sebagaimana Lampiran (Nombor Warta : 1294) di Mahkamah Syariah Perak. Pendaftaran kes hendaklah menggunakan Kod Kes Mal 324.

Arahan amalan ini berkuatkuasa mulai **28 Februari 2023.**



(YAA DATO' HJ. AB. RAHMAN THOBRONI BIN HJ. MOHD MANSOR)

Ketua Hakim Syarie

Jabatan Kehakiman Syariah

PERAK DARUL RIDZUAN

s.k:

1. Y.B Penasihat Undang-Undang Negeri Perak
2. Pegawai Undang-Undang Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak
3. Ketua Pendakwa Syarie Negeri Perak
4. Pengarah Jabatan Bantuan Guaman Negeri Perak
5. Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pembangunan Keluarga JAIPk
6. Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasaan Agama JAIPk
7. Penolong Pengarah Bahagian Sokongan Keluarga
8. Peguam-Peguam Syarie Negeri Perak



NEGERI PERAK

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 75

21hb April 2022

No. 16

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (PERAK) 2004

No. 1294.

HUKUM PELAKSANAAN WASIAT WAJIBAH

BAHAWASANYA Jawatankuasa Fatwa, pada menjalankan kuasanya di bawah seksyen 36 dan seksyen 37 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 [Enakmen Bil. 4 tahun 2004], telah menyediakan fatwa yang terkandung dalam ini;

DAN BAHAWASANYA menurut subseksyen 37 (6) Enakmen yang sama, Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak Darul Ridzuan telah memperkenankan penyiaran fatwa ini dalam *Warta dan Kerajaan Negeri* telah dimaklumkan tentang fatwa ini;

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 37 (7) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 [Enakmen Bil. 4 tahun 2004], Jawatankuasa Fatwa yang bersidang kali ke-208 pada 10 Mei 2016 bersamaan 3 Syaaban 1437H, dengan perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak Darul Ridzuan, membuat dan menyiarkan fatwa yang berikut;

- (i) Mesyuarat menegaskan bahawa Islam amat menitikberatkan kebajikan dan kesempurnaan hidup umatnya, terutama anak-anak yang kehilangan ahli keluarga mereka. Oleh itu, mesyuarat berpandangan bahawa dalam

melaksanakan Wasiat Wajibah adalah harus mengambil pandangan yang menyatakan bahawa berwasiat kepada ahli-ahli waris seperti cucu yang tidak mendapat pusaka disebabkan halangan-halangan tertentu adalah merupakan suatu kewajipan yang perlu dilaksanakan.

- (ii) Oleh yang demikian, mesyuarat bersetuju memutuskan bahawa dalam kes di mana seorang anak lelaki dan perempuan (cucu) yang bapa atau ibu meninggal dunia terlebih dahulu daripada datuk atau neneknya, cucu, berhak menerima Wasiat Wajibah dengan mengambil bahagian faraid bapa atau ibu pada kadar tidak melebihi $\frac{1}{3}$ daripada harta pusaka datuk atau nenek. Sekiranya bahagian ibu atau bapa adalah $\frac{1}{3}$ atau kurang daripada $\frac{1}{3}$, maka pembahagian tersebut hendaklah dilaksanakan pada kadar tersebut. Sekiranya bahagian tersebut melebihi $\frac{1}{3}$ maka hendaklah dikurangkan pada kadar tidak melebihi $\frac{1}{3}$.
- (iii) Pelaksanaan Wasiat Wajibah adalah tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut:
 - (a) Anak lelaki dan perempuan daripada anak lelaki atau perempuan (cucu) ke bawah adalah layak untuk menerima Wasiat Wajibah.
 - (b) Hendaklah ibu atau bapa mereka meninggal dunia terlebih dahulu daripada datuk atau nenek atau ibu atau bapa meninggal dunia serentak dengan datuk atau nenek dalam kejadian yang sama atau berlainan.
 - (c) Cucu lelaki dan perempuan bukan merupakan waris kepada harta pusaka datuk atau neneknya. Sekiranya mereka merupakan waris ke atas harta pusaka secara fardu atau ta'sib maka mereka tidak layak untuk mendapat hak Wasiat Wajibah walaupun bahagiannya sedikit berbanding Wasiat Wajibah.
 - (d) Sekiranya anak lelaki atau anak perempuan berlainan agama dengan ibu atau bapa atau terlibat dengan pembunuhan ibu atau bapa, maka dia tidak berhak untuk mendapat Wasiat Wajibah daripada harta pusaka datuk atau neneknya.
 - (e) Sekiranya datuk atau nenek telah memberikan harta kepada cucu melalui hibah, wasiat dan sebagainya dengan kadar yang sepatutnya diterima oleh anak lelaki atau anak perempuan mereka sekiranya mereka masih hidup, cucu tidak lagi berhak untuk mendapat Wasiat Wajibah. Sekiranya pemberian tersebut adalah kurang daripada hak yang sepatutnya diterima oleh cucu daripada bahagian ibu atau bapanya, maka hendaklah disempurnakan bahagian tersebut.

- (f) Anak akan mengambil bahagian faraid bapa atau ibu yang meninggal dunia terlebih dahulu daripada datuk atau nenek dengan kadar tidak melebihi $\frac{1}{3}$ daripada nilai harta pusaka. Sekiranya bahagian tersebut adalah $\frac{1}{3}$ atau kurang daripada $\frac{1}{3}$, maka pembahagian tersebut hendaklah dilaksanakan pada kadar tersebut. Sekiranya bahagian tersebut melebihi $\frac{1}{3}$ maka hendaklah dikurangkan pada kadar $\frac{1}{3}$ melainkan setelah mendapat persetujuan ahli-ahli waris yang lain.
- (g) Pembahagian Wasiat Wajibah boleh dilaksanakan setelah didahulukan urusan berkaitan mayat, wasiat ikhtiyariyyah dan hutang piutang.
- (h) Pembahagian Wasiat Wajibah kepada cucu-cucu yang berhak adalah berdasarkan kepada prinsip faraid iaitu seorang lelaki menerima bahagian 2 orang perempuan.

Bertarikh 28 Februari 2022

[MNPk.A351.IST/01/7 Jld. 4(36); PU.Pk. 07/2001]

Dengan Titah Perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan

Mufti Negeri Perak Darul Ridzuan

اینکمن فنتدیرن اکام اسلام (فیراق) 2004

حکوم فلقسانان وصیت واجبه

بهاواسن جاوتنکواس فتوی، فد منجالنکن کواسن دباوه سیکشن 36 دان سیکشن 37 اینکمن فنتدیرن اکام اسلام (فیراق) 2004 [اینکمن بیلاغن 4 تاهون 2004]، تله مپدیاکن فتوی یغ ترکندوغ دالم این؛

دان بهاواسن منوروت سوبسیکشن (6) 37 اینکمن یغ سام، دولی یغ مها مولیا سلطان فیراق دار الرضوان تله مفرکنکن فیبارن فتوی این دالم ورثا دان کراجاين نگري تله دمهلوکمن تاتفه فتوی این؛

مک، اولیه یغ دمکین، فد منجالنکن کواس یغ دیریکن اولیه سوبسیکشن (7) 37 اینکمن فنتدیرن اکام اسلام (فیراق) 2004 [اینکمن بیلاغن 4 تاهون 2004]، جاوتنکواس فتوی یغ برسیدغ کالی لک-208 فد 10 ی 2016 برسامان 3 شعبان 1437هـ، دغن فرکن دولی یغ مها مولیا سلطان فیراق دار الرضوان مموات دان میبارکن فتوی یغ برایکوت؛

i. مشوارت منکسکن بهاوا اسلام امت منیتقیرتکن کجایکن دان کسمفورنغن هیدوف اومتن، تراوتام انق- انق یغ کھیلغن اهلی کلوارک مرک، اولیه ایت، مشوارت برقدغن بهاوا دالم ملقسانان وصیت واجبه اداله هاروس مغمیل فندغن یغ میاتاکن بهاوا بروصیت کغد اهلی - اهلی وارث سفرتی چوچو یغ تیدق منداقت فوساک دسبکین هالغن - هالغن ترتنتو اداله مروفاکن سواتو کواجیغن یغ فرلو دلقسانان.

ii. اولیه یغ دمکین، مشوارت برستوجو مومتوسکن بهاوا دالم کيس دمان ساورغ انق للاکي دان فرمفوان (چوچو) یغ باف اتاو ایو منیگل دنیا ترلیبه دهولو درقد داتوق اتاو نینیقن، چوچو برحق منرما وصیت واجبه دغن مغمیل بهاکین فرائض باف اتاو ایو فد قدر تیدق ملیبی 1/3 درقد هرتا فوساک داتوق اتاو نینیقن. سکیران بهاکین ایو اتاو باف اداله 1/3 اتاو کورغ درقد 1/3، مک فمهاکین ترسبوت هندقله دلقسانان فد قدر ترسبوت. سکیران بهاکین ترسبوت ملیبی 1/3 مک هندقله دکورغن فد قدر تیدق ملیبی 1/3.

iii. فلقسانان وصیت واجبه اداله ترتعلوق کغد شرط - شرط سفرتی برایکوت:

a. انق للاکي دان فرمفوان درقد انق للاکي اتاو فرمفوان (چوچو) کباوه اداله لایق اوتوق منرما وصیت واجبه.

b. هندقله ایو اتاو باف مرک منیگل دنیا ترلیبه دهولو درقد داتوق اتاو نینیقن اتاو ایو اتاو باف منیگل دنیا سرتق دغن داتوق اتاو نینیقن دالم کجادین یغ سام اتاو برلاءین.

c. چوچو لالاڳي نان فرمفوان بوکن مروفان وارث کھد هرتا فوساک داتوق اتاو نينيقن. سکيران مريک مروفان وارث کاتس هرتا فوساک سچارا فرض اتاو تعصیب، مک مريک تيدق لايق اونتوق منداقت حق وصيت واجبه والاوفون پهاکين سدیکيت برينديغ وصيت واجبه.

d. سکيران اتق لالاڳي اتاو اتق فرمفوان برلاين اکام دغن ايو اتاو باف اتاو ترلييت دغن قيمونون ايو اتاو باف، مک دي تيدق برحق اونتوق منداقت وصيت واجبه درقد هرتا فوساک داتوق اتاو نينيقن.

e. سکيران داتوق اتاو نينيق تله مبرکن هرتا کھد چوچو ملاوئي هييه، وصيت دان سباکين دغن قدر يغ سقانونن دترما اوليه اتق لالاڳي اتاو اتق فرمفوان مريک سکيران مريک ماسيه هيدوف، چوچو تيدق لالاڳي برحق اونتوق منداقت وصيت واجبه. سکيران قمبرين ترسيوت اداله کورغ درقد حق يغ سقانونن دترما اوليه چوچو درقد پهاکين ايو اتاو بافن، مک هندقله دسمفوناکن پهاکين ترسيوت.

f. اتق اکن مقبيل پهاکين فرائض باف اتاو ايو يغ منيغکل دنيا ترليه دهولو درقد داتوق اتاو نينيق دغن قدر تيدق مليبي 1/3 درقد نيلاي هرتا فوساک. سکيران پهاکين ترسيوت اداله 1/3 اتاو کورغ درقد 1/3، مک قمبراکن ترسيوت هندقله دلقساناکن قد قدر ترسيوت. سکيران پهاکين ترسيوت مليبي 1/3 مک هندقله دکورغکن قد قدر 1/3 ملاينکن سته منداقت فرستوجوان اهلي - اهلي وارث يغ لايين.

g. قمبراکن وصيت واجبه بولي دلقساناکن سته ددهولوکن اوروسن برکاهين ميت، وصيت اختياريه دان هوتغ - فيوتغ.

h. قمبراکن وصيت واجبه کھد چوچو - چوچو يغ برحق اداله برناسرکن کھد فريلسيغ فرائض ياييت ساورغ لالاڳي مزما پهاکين 2 اورغ فرمفوان.

28 Februari 2022

بر تاريخ

[MNPk.A351.IST/01/7 JLD.4 (36); PU.Pk.07/2001]

دغن تينه فرينته دولي يغ محاموليا سلطان

مفتي نكري فيراق دارالرضوان

